



UMiMAP

Edisi 3

Jan - Dis
2015

Personaliti • Aktiviti • Penulisan Santai • Pencapaian Staf • Umum

BULETIN iKOM

Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi



CATATAN BANJIR

DI KELANTAN



MAJLIS SANTAPAN MALAM

SEMPENA ISTIADAT

KONVOKESYEN KE 10



SUMBANGAN MEMPELAM HARUM MANIS

APRIL HINGGA JUN

ISBN 978-967-5415-65-4



9 789675 415654

Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi

KANDUNGAN

PEGAWAI UTAMA UNIMAP

Naib Canselor
Brig. Jen. Datuk Prof. Emeritus Dr.
Kamarudin Hussin

**Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)**
Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal

**Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)**
Prof. Dr. Abdul Hamid Adom

**Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)**
Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan

Pendaftar
Encik Zuber Hj. Mohamad

Bendahari
Puan Saodah Hassan

Pustakawan Kanan
Puan Mazmin Mat-Akhir



04 Sekalung Bicara, Setitis Tinta
Dekan iKOM

08 Seuntai Kata, Secankir Bicara
Ketua Editor

PERSONALITI

- 16 Personaliti Pilihan Akademik:
Prof. Dr. Asiah Sarji
- 19 Personaliti Pilihan Pentadbiran:
Encik Rosman Ramli

AKTIVITI

- 14 Perjumpaan pertama bersama pelajar Komunikasi Media Baharu
- 16 Jamuan Berbuka Puasa dengan Anak-anak Yatim
- 17 Majlis Sambutan Aidilfitri iKOM
- 18 Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK)
- 19 Kejohanan Olahraga Tertutup Unimap Kali Kesebelas Tahun 2015
- 20 Gabungan Vokal Al Rasyid
- 21 Gotong-royong Memasak Bubur Lambuk
- 22 UniMAPfm:
Platform Industri Penyiaran
- 24 Program "Inikan Raya"
- 25 Pertandingan Penyampai Radio Sempena Karnival Bahasa Jiwa Bangsa
- 26 Pusat Kaunseling:
"Mendengar.Memahami.Membantu"
- 28 Program Mesra Sinergi Utara – Kunjungan PRS UMT Ke UniMAP
- 29 Program Pencarian Bakat Motivator Cungkil Bakat Mahasiswa dalam Pengucapan Awam
- 30 Dua Pelajar Wakili UniMAP Ke Pertandingan IPTA Young Motivator Competition (i-MaC)
- 31 Sumbangan Mempelam Harum Manis
- 32 Seminar Motivasi Perdana 'Kenali Diri Serlahkan Potensi'
- 33 Kursus Asas Kaunseling kepada Staf Akademik Unimap 2015
- 34 Catatan Banjir Kelantan 2015: "Berat Mata Memandang, Berat Lagi Bahu Memikul"
- 36 Asia Summer Preogram 2015
- 38 Majlis Santapan Malam
- 40 Majlis Anugerah Gemilang iKOM

PENULISAN SANTAI

- 44 Tujuh Cara Menangani Stres di Tempat Kerja Anda
- 45 Dendam Meracuni Diri

PENCAPAIAN STAF

- 46 Pencapaian, Penyelidikan, Prosiding dan Penerbitan

UMUM

- 57 Setinggi Tinggi Tahniah

SIDANG REDAKSI



Penasihat 1
Prof. Madya
Dr. Huzili Hussin



Penasihat 2
Dr. Shuhairimi Abdullah



Ketua Editor
Suzana Sulaiman



Penolong Ketua Editor
Nur Salimah Alias



Editor
Nur Aimi Muslim



Editor
Marzura Mat Arid



Editor
Noor Zeita Othman



Editor
Wan Saniah Wan Yahya



Editor
Ameer Fuhaili
Mohamad Hashim



Editor
Edzam Armin
Abdul Rahim



Editor
Azizah Abdullah

STAF - STAF IKOM

STAF AKADEMIK

Profesor. Madya Dr. Hj Huzili Hussin
Prof. Datin Paduka Dr. Hjh Ramlah Adam
Prof. Dr. Rosnah Ismail
Prof. Madya Dr. Azizan Bahari
Profesor. Madya Nor Azmi Hj. Johari
Dr. Shuhairimi Abdullah
Dr. Amani Ali Elmetwaly Ali
Dr. Lt. Abdul Jalil Ramli
Dr. Yasmin Ahmad
En. Muhammad Izmer Yusof
Pn. Junainor Hassan
Pn. Siti Norayu Mohd Basir
Pn. Suzana Sulaiman
Cik Nur Salimah Alias
En. Edzham Armin Abdul Rahim
Cik Wan Nor Ashiqin Wan Ali
Pn. Nur Azila Azahari
Pn. Nor Syamimi Mohamed Adnan
En. Jamsari Jamaluddin
Cik Zainab Nazar Khalil Wafi
Pn. Noor Salwani Hussin
En. Mohd Izwan Izhar Haris
Pn. Suhana Abdul Mutalib
En. Mohd Kasturi Nor Abd Aziz
En. Abdul Rahman Abdul Manaf
Pn. Norhudi'in Danu
En. Hassad Hassan
Pn. Azizah Abdullah
Prof. Dr. Asiah Sarji
Prof. Dr. Salleh Abd. Rashid
Prof. Madya Abdul Aziz Mahmuddin
Prof. Madya Razli Ahmad
Dr. Hanif Suhairi Abu Bakar
Dr. Hanum Hassan
Dr. Syed Zulkarnain Syed Idrus
Dr. Noormaizatul Akmar Ishak
Pn. Adila Ismail
Cik. Nur Salimah Alias

En. Maskor Bajuri
En. Tengku Kastriafuddin Shah Tengku Yaakob
En. Ameer Fuhaili Mohamad Hashim
En. Zuraidi Ahmad Mokhdzar
Cik Nurul Ashikin Abdul Halim

STAF PENTADBIRAN

Pn. Noor Zeita Othman
Pn. Ropidah Ahmad
Pn. Suriani Ismail
Pn. Norain Abdullah
En. Rosman Ramli
En. Mohd Abul Fathi Zaiyadi Hussain
En. Roseffandi Darus

STAF PUSAT KAUNSELING

Pn. Wan Saniah Wan Yahya
Pn. Nur Aimi Muslim
Pn. Azieda Azizan
Pn. Sharulni Liza Hussin

STAF UNIMAPfm

Pn. Marzura Mat Arid
En. Mohd Nazaruddin Majid
En. Tengku Mohd Fadli Tengku Hamzah
Pn. Hasmira Hashim

STAF YANG CUTI BELAJAR

En. Mohammad Rezal Hamzah
Pn. Nor'izah Ahmad
En. Ahmad Fahmi Mahamod
Pn. Husna Afifi Mohd Yusoff @Mat Jusoh

// KREATIVITI ASPIRASI KAMI

Assalamualaikum & Salam 1 Malaysia

Segala puji ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapat lagi saya coretkan sedikit bicara dalam penerbitan buletin iKOM edisi ketiga. Tahniah saya ucapkan kepada warga redaksi buletin iKOM kerana berjaya meneruskan usaha dan semangat bagi menjayakan keluaran edisi ketiga buletin ini.

Sedar tak sedar, diam tak diam kini telah hampir dua tahun iKOM ditubuhkan. Transformasi iKOM sebagai sebuah pusat pengajian dapat dilihat dengan cukup jelas sekali pada pertambahan pelajar yang kini telah mencecah hampir 350 orang serta infrastrukturnya. Kini, iKOM mampu berdiri sebagai sebuah pusat pengajian yang mempunyai bilik kuliah sendiri, bilik seminar, kafeteria dan makmal komputer. Transformasi ini tidak terhenti setakat ini sahaja dan masih lagi bergerak dengan perancangan untuk membina studio, makmal fotografi serta pelbagai lagi pelan yang dirangka untuk memajukan iKOM sekaligus menaikkan lagi martabat UniMAP.

DEKAN IKOM

SEKALUNG BICARA, SETITIS TINTA

Saya percaya walaupun masa dirasakan berlalu terlalu pantas, tetapi perubahan positif ini dapat dirasai oleh kesemua staf saya. Masakan tidak, masa yang beredar tidak disedari berlalu kerana semua staf saya telah meletakkan fokus serta usaha utama mereka untuk membangunkan iKOM. Justeru, kejayaan serta pencapaian iKOM pada hari ini wajar dirasai oleh semua warga iKOM. Namun begitu, perjalanan iKOM masih lagi panjang dan peranan kita juga semakin besar. Kepercayaan yang diberikan oleh pengurusan tertinggi UniMAP untuk menjadikan iKOM sebagai salah sebuah pusat pengajian di UniMAP tidak harus dipandang ringan.

Ia adalah seiring dengan usaha UniMAP untuk meletakkan universiti ini di antara 500 universiti terbaik dunia dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan. Oleh itu, saya menyeru kepada semua warga kerja iKOM untuk sama-sama bergerak seiring dengan objektif ini seterusnya dapat memberi sumbangan kepada perkembangan UniMAP dan iKOM itu sendiri.

Justeru, harapan saya agar penerbitan buletin iKOM kali ini dapat melakar catatan pelbagai kenangan dan kejayaan yang berlaku sepanjang tahun 2015 selain menjadi inspirasi bagi kita semua agar kita masih bergerak seiring dalam merealisasikan misi dan visi iKOM, sesuai dengan moto iKOM, Kreativiti Aspirasi Kami.

Akhir kata, saya ingin mengajak staf dan rakan-rakan untuk meneruskan semangat berpasukan yang telah kita semai sejak dulu lagi, marilah kita sama-sama berbudi dengan hati bukan berbudi dengan lidah, mencapai visi dengan sifat mahmudah. Sekian, wassalam.

Professor Madya Dr. Huzili bin Hussin

Dekan,

Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM)

SEUNTAI KATA, SECANGKIR BICARA

Assalamualaikum dan selamat sejahtera.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana kita masih dapat menghirup udara yang segar di muka bumi ciptaan Allah ini untuk meneruskan kehidupan seharian mencari cahaya dan hidayahNya. Setinggi-tinggi kesyukuran juga dipanjatkan kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan rahmatNya Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM) berjaya menerbitkan Buletin iKOM Edisi ke-3 buat santapan minda semua pembacanya.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Yang Berbahagia Dekan iKOM, Prof. Madya Dr. Hj. Huzili Hussin kerana memberikan kepercayaan kepada saya untuk terus mengetuai Sidang Redaksi Buletin iKOM. Terima kasih juga buat Dr. Shuhairimi Abdullah selaku Penasihat Buletin iKOM dan semua Sidang Redaksi atas kegigihan dan komitmen yang diberikan dalam usaha menerbitkan buletin ini.

Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada semua yang telah menyumbangkan pelbagai artikel dan pengalaman yang diilhamkan serta disalurkan melalui Buletin iKOM. Justeru, saya percaya melalui informasi yang dipaparkan dalam buletin ini, iKOM telah melangkah maju ke hadapan dengan pengisian pelbagai aktiviti dan program yang dapat dikongsi serta disumbangkan demi kebaikan bersama.

Pengikat kata penyimpul bicara, semoga Buletin iKOM Edisi ke-3 2015 ini dapat menjulang nama iKOM sebagai salah satu Pusat Pengajian baharu yang mampu bergerak maju seiring dengan pusat pengajian lain. Semoga tahun baru 2016 akan memberikan kita semangat baru dalam melaksanakan segala yang direncanakan sejurus mengecapi kejayaan dan kebahagiaan.

Suzana Sulaiman

Ketua Editor



*Jemuran Kemili hamparan berhari,
Bertikar cemara menanti masa;
iKOM kembali membawa seri,
Pemanis bicara halus bahasa*



KETUA EDITOR



Prof. Dr. Asiah Sarji



Mempengerusikan mesyuarat Anugerah



Bersama pelajar iKOM yang dikasihi

PERSONALITI PILIHAN: AKADEMIK

PROF. DR. ASIAH SARJI Oleh: Nur Aimi Muslim

Prof. Dr. Asiah Sarji merupakan Profesor Kunjungan di Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM) yang menghiasi ruangan personaliti pilihan akademik kali ini. Sidang redaksi iKOM dengan berbesar hati telah mendapatkan pandangan beliau yang kini merupakan Pengarah Pusat Penerbitan UniMAP. Berikut merupakan serba sedikit latar belakang dan perjalanan hidup beliau sepanjang berkecimpung di dalam bidang akademik:

Nama:	Asiah Sarji (Prof. Dr.)
Umur:	65 tahun
Tarikh Lahir:	2 Februari 1950
Negeri Kelahiran:	Perak
Keluarga:	Suami: Allahyarham Prof. Madya Dr. Mowafak Alkusaairy, (Mantan Timbalan Rektor Al-Madinah International University) Anak : Pn. Lydia Iryani Menantu : Mohd. Asry bin Azizan Cucu : Ashley Iman Banks bin Mohd. Asry (2 tahun)
Pendidikan:	Phd. UKM dalam Penyiaran MS. Syracuse University New York City Film dan broadcasting SMSK UKM- Pengajian Melayu dan Sosiologi
Kepakaran Bidang Akademik:	Penyiaran dan Filem

Ikuti temu bual wartawan IKOM, Nur Aimi Muslim bersama Prof. Dr. Asiah Sarji

S: Kenapakah UniMAP Menjadi Universiti Pilihan Untuk Prof Berkhidmat?

J: Saya merasakan keputusan saya memilih UniMAP adalah sangat tepat kerana UniMAP telah memberi ruang kepada saya berkongsi pengalaman dan kepakaran untuk membantu mempercepatkan proses pembangunan ilmu di universiti ini. Kemudian apabila saya dapati UniMAP sangat proaktif, ia menjadikan saya lebih bersedia dan lebih seronok memberikan apa jua ilmu dan pengalaman yang saya ada. Kelebihan UniMAP yang lain ialah, Naib Canselornya yang membuka ruang kreativiti dalam kalangan stafnya dan selalu bertindak balas terhadap inovasi dalam idea dan kreativiti pengurusan.

S: Apakah Jawatan Yang Disandang Oleh Prof Sepanjang Berkhidmat Di UniMAP?

J: Di UniMAP saya telah dilantik sebagai Profesor kunjungan di Pusat Pengajian Pembangunan Insan & Teknokomunikasi (iKOM). Berasaskan jawatan itu, maka saya telah diberi kepercayaan dan tanggungjawab untuk menjadi Pengarah Pusat Penerbitan UniMAP dan menganggotai pelbagai ahli jawatankuasa lain sama ada di dalam mahupun di luar UniMAP.

S: Selaku Tenaga Pengajar di UniMAP, Berapa Orang Pelajar yang Telah Diselia oleh Prof. Dr. Asiah?

J: Bab penyeliaan ini agak baharu lagi di iKOM UniMAP. Sehingga kini saya mempunyai dua orang pelajar PhD. dan 3 orang pelajar Sarjana (UniMAP). Saya juga turut menyelia 3 orang pelajar institut pengajian tinggi lain.



Bersama penerbit wanita RTM dan Timbalan Ketua Pengarah Penyiaran Ybgh. Datuk Adila

PERLUASKAN DAN PERTINGKATKAN

INDUSTRIAL NETWORKING

S: Selaku Tenaga Pengajar di UniMAP, Berapa Orang Pelajar yang Telah Diselia oleh Prof. Dr. Asiah?

J: Anugerah

TAHUN 2012
ANUGERAH: Anugerah Siarawan Pencapaian Akademik Cemerlang/ Excellent Performance Broadcasters
ORGANISASI: Persatuan Väteren Radio dan TV Malaysia/ The RTM Väteren Association.

TAHUN 2011
ANUGERAH: TOKOH Filem KDN Malaysia
ORGANISASI: Kementerian Dalam Negeri Malaysia.

TAHUN 2008
ANUGERAH: Pemenang Pingat Perak Pertandingan Poster Penyelidikan, "Industri Dokumentari di Malaysia. Kajian Sistem Dasar, Proses, dan Penggunaan"
ORGANISASI: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM.

TAHUN 2008
ANUGERAH: Anugerah Khidmat Cemerlang
ORGANISASI: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

ANUGERAH: TOP100 GPMS LEADERS AWARD
ORGANISASI: Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung

TAHUN 2000
ANUGERAH: MALAYSIAN YOUTH AWARD OF THE YEAR-FEMALE
ORGANISASI: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

TAHUN 1997
ANUGERAH: Grand Award for Malaysian Film Critique Award 1997
ORGANISASI: National Film Development Board, Malaysia

TAHUN 1988/1989
KURNIAAN: Malaysian Literary Award (Poetry)
Pemenang Hadiah Sastera Malaysia - Bahagian Puisi
ORGANISASI: Kerajaan Malaysia (melalui Dewan Bahasa dan Pustaka).

TAHUN 1976

ANUGERAH: Best Documentary: Turtle, the treasure of Malaysian Sea

S: Bagaimana Cara Prof Mengurus dan Menyeimbangkan Masa Prof untuk Kerjaya serta

J: Kerja dan tugas dalam banyak keadaan adalah sesuatu yang hakiki buat saya, hinggakan kalau saya tidak buat kerja atau tidak melakukan sesuatu yang berkaitan dengan tugas atau kerja, saya rasa ada yang tidak kena dalam hidup saya pada waktu itu. Dalam erti kata lain saya kurang faham apa itu cuti rehat. Malah hari Sabtu, Ahad dan cuti-cuti umum lain tidak memberi apa-apa makna pada saya. Malah malam dan siang juga tidak memberi apa-apa makna. Pernah beberapa kali saya pergi ke kampus sewaktu di UKM dulu saya merasa hairan mengapa kampus sunyi sepi... Rupa-rupanya hari itu adalah hari cuti. Kejadian seperti itu kerap kali berlaku.

Jika ada masa terluang, saya akan memasak dan memberikan sedekah walaupun sedikit kepada orang lain tidak kira siapa sahaja. Saya juga suka menghabiskan masa bersama anak dan cucu saya. Selain itu, saya cuba mencari masa untuk mengunjungi saudara mara, dan antara perkara yang paling saya suka lakukan ialah merayau-rayau pergi ke pasar-pasar malam, pasar pagi dan jika berkelapangan saya suka menghabiskan masa di taman herba dan bunga saya di Bangi. Kadangkala saya sempat juga melayari Facebook dan WhatsApp... Ha ha ha. Saya menganggap melalui penulisan kreatif seperti menulis skrip dan puisi merupakan tugas serta tanggungjawab saya.



Menerima anugerah Jurnal Terbaik

S: Menangani Tanggungjawab yang Mendesak dengan Masa Peribadi untuk Diri dan Peribadi?

J: Saya tidak akan menggunakan masa terluang saya tanpa melakukan sesuatu. Kerana itu saya akan membawa beg yang besar ke mana sahaja kerana di dalamnya terdapat komputer kecil, electrical extension, telefon bimbit, thumbdrive dan power bank serta telekung. Selalunya sukar untuk menjumpai lipstick atau alat-alat solek lain kecuali moisturizer. Saya juga boleh menyiapkan pelbagai kerja dalam tempoh perjalanan daripada Kuala Perlis ke Bangi.

Di samping itu, saya perlu pastikan saya mempunyai waktu tidur yang cukup iaitu antara 4 ke 6 jam satu malam. Saya amat jarang makan tengahari di restoran, kebiasaannya sebelum masuk pejabat, saya akan membeli makanan untuk sarapan dan makan tengahari sekali. Saya akan pulang ke rumah antara jam 5 petang ke 7 malam setiap hari kecuali jika ada majlis di UniMAP yang perlu dihadiri yang selalunya diadakan pada sebelah malam.

S: Apakah Nasihat Prof untuk Warga Unimap Khususnya Warga iKOM?

J: Warga iKOM yang saya anggap seperti keluarga sekalian, tolonglah nikmati tugas dan tanggung jawab yang anda pikul. Pada pendapat saya, kalau anda tidak suka kerja anda, lebih baik anda berhenti kerana ia menyiksakan sahaja. Apabila anda malas berkerja, kerja yang dibuat tidak akan menjadi sempurna, anda tidak akan maju dan tidak akan sampai ke mana-mana malah anda akan menyusahkan orang lain dan UniMAP.

Ingatlah pesanan saya, perluaskan dan pertingkatkan industrial networking kerana ia bukan sahaja sangat penting kepada pelajar, fakulti dan universiti malah kepada diri sendiri. Terlalu banyak faedahnya... Tolonglah, jangan lalai dalam menunaikan tanggungjawab ini.

Selain itu anda perlu mengkaji dan mengkaji dan menulis dan terus menulis.... kalau tidak, tidak ada makna anda menjadi pensyarah. Percayalah... Kita akan merasa kerdil sewaktu mengajar, sewaktu di bilik bengkel, sewaktu di dalam persidangan, sewaktu berhadapan dengan para pakar dalam bidang kita dan banyak lagi. Kita perlu berusaha menjadi perunding kepada bidang kita. Faedahnya bukan hanya kepada kita sahaja tetapi kepada pelajar dan juga universiti yang tercinta. Mahukah kita menjadi 'pensyarah kangkung' di mana kita sudah merasa cukup puas dengan aktiviti biasa sahaja? Iaitu pensyarah yang tidak mampu keluar dari zon selesa.

Sekian, terima kasih.



En. Rosman Ramli



Bersama rakan-rakan iKOM bergotong-royong memasak bubur lambuk

PERSONALITI PILIHAN: PENTADBIRAN EN. ROSMAN RAMLI

Oleh: Nur Aimi Muslim

NAMA : Rosman Ramli
 TARIKH LAHIR : 26 Januari 1970
 TEMPAT LAHIR : Kg. Bunga Emas, 02700
 Simpang Empat, Perlis
 JAWATAN : Pembantu Tadbir (P/O)
 BILANGAN ANAK : 2 orang, kedua2 perempuan
 MATLAMAT HIDUP : Seperti orang lain, ingin terus berjaya

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN:
 SEK RENDAH : Sekolah rendah di sekolah rendah Simpang Empat, Perlis
 SEK MENENGAH :
 • Sek. Men. Keb. Syed Saffi, tingkatan 1 – 5
 • Sek. Men. Keb. Syed Alwi, tingkatan 6

PENGALAMAN KERJA:
 Dengan swasta : Canon Elektronik M'sia Sdn Bhd – 1991

ANUGERAH DAN PENCAPAIAN:
 Anugerah Khidmat Cemerlang 2009

PENGALAMAN 12 TAHUN BERSAMA UNIMAP:
 (JABATAN/KETUA JABATAN/JAWATAN)
 • PKKK - Prof. Zuraidah, Prof. Zaliman, Prof. Madya Ku Halim dan Prof. Madya Dr. Huzili
 • PTKPI - Prof. Madya Dr. Hazry, Prof. Salleh dan Prof. Madya Dr. Huzili
 • iKOM - Prof. Madya Dr. Huzili



PERSONALITI PILIHAN PELAJAR

Menjadi pemimpin bukan cita-cita semua manusia yang hidup di muka bumi ini. Tetapi, tanpa disedari bahawa setiap manusia yang lahir dimuka bumi ini merupakan pemimpin. Pemimpin merupakan insan yang menjadi pengendali segolongan manusia bahkan diri sendiri juga. Tanpa pemimpin manusia akan hilang arah dan punca. Dalam bidang tugas untuk menjadi Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar di sesebuah universiti bukan mudah dan sememangnya sukar. Lebih-lebih lagi ia memelopori dalam semua aspek dan bidang di peringkat universiti.

Sejak hari pertama berada di universiti sanjungan kepada Majlis Perwakilan Pelajar begitu tinggi kerana pangkat yang mereka peroleh dan amanah yang dipegang. Golongan ini bukan sahaja disanjung tetapi juga di maki oleh segelintir pelajar. Tidak pernah terlintas difikiran untuk memegang status Majlis Perwakilan Pelajar seumur hidup kerana melihat diri sendiri yang masih banyak perlu diperbetulkan.

Walaupun bagaimanapun, jurusan yang dipelajari iaitu komunikasi media baharu sangat membantu diri saya bagi mengatasi masalah luaran dan dalaman iaitu dari segi psikologi dan cara berkomunikasi dengan individu lain. Setiap masa guru-guru atau pensyarah memberi tunjuk ajar dan pelajar memaksa diri sendiri untuk tampil berani dan boleh berkata-kata. Setiap minggu tugas yang diberikan adalah bercakap, komunikasi dan pengasahan minda. Kesemua perkara yang dipelajari diaplikasikan dalam kehidupan seharian bahkan dapat digunakan dalam sesebuah organisasi.


Semenjak menjadi Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), banyak perubahan yang berlaku dalam diri sendiri termasuk dari segi kematangan dan komunikasi. Kesabaran dan kepintaran amat dicabar dalam menangani permasalahan yang dihadapi oleh mahasiswa. Majlis Perwakilan Pelajar terdiri daripada pelajar juga dan pelajar tahu apa yang diperlukan oleh pelajar lain. Untuk menjadi seorang pemimpin bukan mudah dan ia memerlukan tahap mental yang tinggi.

RIO ISKANDAR JASMAN

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UniMAP 2015/2016

Pelajar Tahun 2

Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu



PERJUMPAAN PERTAMA BERSAMA PELAJAR KOMUNIKASI MEDIA BAHARU

Oleh: Edzham Armin Abdul Rahim

Tanggal 3 September 2015,
161 Orang Pelajar baru
Program Sarjana Muda
Komunikasi Media Baharu

RA 72 KOMUNIKASI MEDIA BAHARU

Tanggal 3 September 2015 seramai 161 orang pelajar baru Program Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu telah melaporkan diri. Mereka telah diraikan oleh semua staf iKOM di satu majlis perjumpaan pertama bersama pelajar. Pada majlis tersebut pelajar telah diberi taklimat tentang latar belakang iKOM, program pengajian komunikasi media baharu serta pengenalan kepada staf staf iKOM. Majlis tersebut juga telah diserikan lagi dengan kehadiran Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Hj. Huzili Hussin, Dekan Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi.

Pada masa yang sama Yang Berbahagia Tuan Dekan telah memberi kata motivasi yang menjadi pemangkin semangat kepada semua pelajar baru. Majlis yang berlangsung sehingga jam 12 tengahari telah disudahi dengan sesi taklimat dan perjumpaan dengan RPS masing masing.



IFTAR IKOM BERSAMA ANAK YATIM

Oleh: Wan Saniah Wan Yahya



Ramadan Al-Mubarak merupakan bulan yang dinantikan seluruh umat Islam untuk menunaikan Rukun Islam yang ketiga. Selain dari mengerjakan ibadah puasa, umat Islam turut dianjurkan berlumba-lumba memberi sedekah kepada golongan yang kurang bernasib baik.

7 JULAI 2015

20 RAMADHAN 1436H

DEWAN KAPITOL

iKOM turut mengambil peluang untuk mengimarahkan bulan Ramadan melalui penganjuran proram Iftar iKOM Bersama Anak Yatim. Program yang diadakan pada 7 Julai 2015 bersamaan 20 Ramadhan 1436 hijrah telah berlangsung di Dewan Kapitol. Seramai lebih kurang 50 orang anak Yatim dari beberapa buah rumah kebajikan sekitar negeri Perlis telah diraikan semasa majlis berkenaan. Antaranya adalah Pusat Jagaan Darul Falah Ummi Aishah yang terletak di Jalan Kuala Perlis, Pusat Jagaan Hembusan Kasih, Arau, dan Pertubuhan Kebajikan & Amal Rumah Teduh Perlis yang terletak di Kangar. Majlis turut diserikan dengan kehadiran Y. Bhg Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa UniMAP yang turut merasmikan majlis dan menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim. Majlis ini juga telah dijayakan bersama oleh semua warga iKOM serta ahli keluarga masing-masing.



Majlis tersebut telah berlangsung dengan jayanya dan kegembiraan terpancar di wajah anak-anak yatim yang telah diraikan bersama keberkatan Ramadan Al Mubarak. Sebagaimana sabda baginda Rasulullah SAW yang bermaksud: Barangsiapa yang memberi makan untuk berbuka orang yang berpuasa, maka ia mendapat pahala orang yang berpuasa itu dengan tidak mengurangi sedikit pun pahala orang yang berpuasa itu" (Riwayat Al-Tarmizi dari Zaid bin Khalid Al-Juhanny RA).



Aidilfitri diterjemahkan sebagai kembali kepada fitrah. Selepas kita melalui latihan dan pendidikan sepanjang bulan Ramadan dengan pelbagai amal ibadah seperti berpuasa, membaca Al Quran, bersedekah dan berqiamullail, maka apabila berakhirnya Ramadan, umat Islam akan menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan. Perayaan Aidilfitri mampu mengeratkan hubungan silaturrahim di antara umat Islam melalui amalan kunjung mengunjung dan bermaaf-maafan. Malah tidak kurang juga ada yang mengadakan majlis rumah terbuka dengan menjemput rakan taulan untuk sama-sama menikmati kemeriahan Aidilfitri.

Tidak ketinggalan, iKOM juga turut menganjurkan Majlis Sambutan Aidilfitri iKOM dengan konsep "potluck" iaitu semua warga iKOM sama-sama menyumbangkan juadah untuk majlis berkenaan. Majlis tersebut telah diadakan pada 12 Ogos 2015 bersamaan 27 Syawal 1436 hijrah bertempat di bilik mesyuarat iKOM. Majlis berkenaan yang merupakan aktiviti tahunan iKOM mampu memperkukuhkan hubungan silaturrahim di antara semua warga iKOM.

MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI IKOM

Oleh: Wan Saniah Wan Yahya

Konvensyen Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) merupakan platform untuk kumpulan kumpulan KIK mengemukakan idea serta inovasi yang diilhamkan di jabatan masing-masing. Tujuan pertandingan ini bagi membolehkan setiap penemuan dapat dikongsi dengan agensi kerajaan yang lain.

Langkah ini dapat meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Pada tanggal 14 April hingga 16 April 2015 merupakan giliran Universiti Sains Islam Malaysia sebagai tuan rumah Konvensyen Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) IPTA atau sekarang dikenali KIK UA (Universiti Awam).

iKOM pada tahun ini bersama sama dengan 3 buah kumpulan yang lain telah mewakili UniMAP dalam pertandingan ini. Inovasi sistem yang direka bagi memudahkan pelajar untuk melakukan peniliran terhadap pensyarah telah dipertandingkan.

Sistem atas talian ini dapat menjimatkan kos, masa dan memudahkan jabatan untuk menganalisa serta menyimpan data tersebut.

Kumpulan iKOM yang diberi nama i-KIK terdiri daripada fasilitator Dr. Hanif Suhairi Abu Bakar, En. Edzham Armin Abdul Rahim, Cik Nur Salimah Alias, En. Tengku Kastriafuddin Shah Tengku Yaakob, Cik Marzura Mat Arid, En. Ameer Fuhaili Mohamad Hashim, En. Mohd Abul Fathi Zaiyadi Hussain, Cik Wan Nor Ashiqin Wan Ali dan Pn. Nur Azila Azahari telah berjaya mendapat pingat emas dalam penyertaan mereka yang pertama kalinya di peringkat ini. Kejayaan ini merupakan pencapaian yang sangat baik buat iKOM dan menjadi penanda aras untuk memperbaiki serta mendapatkan keputusan yang lebih baik pada masa akan datang.

KUMPULAN INOVATIF KREATIF (KIK)

Oleh: Edzham Armin Abdul Rahim



KEJOHANAN OLAHRAGA TERTUTUP UNIMAP KALI KESEBELAS TAHUN 2015

Oleh: Edzham Armin Abdul Rahim

Pada 9 Oktober hingga 11 Oktober telah berlangsung upacara Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP Kali Kesebelas Tahun 2015. iKOM yang diwakili oleh pelajar tahun 1 dan tahun 2 Program Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu telah mencatatkan keputusan yang memberangsangkan.

Sebanyak 1 emas, 3 perak dan 1 gangsa telah diperolehi bagi acara merejam lembing, 100 meter lelaki, 4x400 meter dan 400 meter. Keputusan yang dicatatkan oleh kontinjen kontinjen yang mewakili iKOM telah memberi nafas baru dan kejutan buat ramai pihak.

Selain daripada acara di balapan, iKOM juga telah mendapat anugerah hiasan khemah paling cantik. Ini merupakan hasil kerjasama pelajar serta staf iKOM yang sanggup berhemmas pulas dalam menjayakan misi khemah tercantik.

Walau bagaimanapun, iKOM tidak berjaya untuk mempertahankan kejuaraan mereka sebagai juara pasukan berkawat yang telah dimenangi oleh pasukan FTK. Secara keseluruhan, peningkatan keputusan adalah sesuatu yang boleh dibanggakan. Yang Berbahagia Tuan Dekan telah mensasarkan keputusan yang lebih baik untuk tahun hadapan dan disambut dengan penuh semangat oleh semua pihak di iKOM.



GABUNGAN VOKAL AL RASYID

9 JULAI 2015

“RAMADAN KU NANTI”

Oleh: Marzura Mat Arid

Kesungguhan ahli-ahli Al Rasyid mempersembahkan vokal dalam Pertandingan Nasyid Antara Jabatan 2015, sempena Ihya' Ramadan 1436H, wajar diberi pujian. Kumpulan ini terdiri daripada 12 ahli, iaitu En.Hassad Hassan (Ketua Kumpulan), En. Tengku Kastriafuddin Shah Tengku Yaakob, En. Jamsari Jamaluddin, En. Ameer Fuhaili Mohamad Hashim, En. Tengku Mohd Fadli Tengku Hamzah dan En.Mohd Abul Fathi Zaiyadi Hussain. Manakala ahli wanita diwakili oleh Pn. Noor Zeita Othman, Pn. Wan Saniah Wan Yahya, Pn. Nur Aimi Muslim, Cik Marzura Mat Arid, Pn. Azieda Azizan dan Pn. Shahrulni Liza Husin.

Pertandingan anjuran Pusat Islam dengan kerjasama Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Pusat Sukan ini telah diadakan pada 9 Julai 2015 di Dewan Kapitol Kangar dengan bertemakan “Irama Padang Pasir”. Sebanyak 21 jabatan telah menyertai dan masing-masing menunjukkan gaya persembahan yang kreatif.

Al Rasyid menyampaikan lagu bertajuk “Ramadan Ku Nanti” hasil ciptaan warga iKOM sendiri iaitu En. Mohd Izwan Izhar Haris. Walaupun tidak berjaya meraih tempat, namun Al Rasyid tetap mempamerkan persembahan yang menarik dengan gimik kemunculan penampilan khas daripada Dekan iKOM di akhir persembahan.

Semangat yang jitu ditunjukkan oleh setiap ahli dari bermulanya sesi latihan, sehinggalah hari pertandingan. Semoga kerjasama dan komitmen yang tinggi ini akan dikekalkan, bukan sahaja untuk tahun ini malah pada masa akan datang.



GOTONG-ROYONG MEMASAK BUBUR LAMBUK

Oleh: Suzana Sulaiman

Sempena bulan Ramadan yang diberkati dan menyahut Program Ihya Ramadan UniMAP 2015, iKOM dengan kerjasama Pusat Islam UniMAP mengadakan program memasak bubur lambuk di perkarangan Kampus Kubang Gajah. Gotong-royong memasak bubur lambuk ini ialah untuk diagihkan di rumah anak yatim dan rumah warga emas selain untuk staf UniMAP dan masyarakat setempat.

Proses menyediakan bahan-bahan memasak bubur lambuk telah diadakan pada 29 Jun 2015 bermula jam 10:00 pagi. Semua staf datang bersama pelbagai peralatan seperti pisau dan papan pemotong untuk melancarkan urusan penyediaan bahan mentah.

Pada keesokkan harinya, 30 Julai 2015 aktiviti memasak bubur lambuk telah mula dijalankan sejak pukul 8:00 pagi lagi. Proses penyediaan 2,000 bungkusan bubur lambuk ini dilakukan dengan penuh semangat kerjasama bersulam senda gurau walaupun sama sama dalam kepenatan berpuasa. Jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program gotong-royong memasak bubur lambuk ini.

PROGRAM IHYA

RAMADHAN

30 JULAI 2015



UNIMAPfm: PLATFORM INDUSTRI PENYIARAN

Oleh: Marzura Mat Arid

Inisiatif penubuhan UniMAPfm sebagai radio kampus merupakan satu kebanggaan buat UniMAP, kerana universiti ini merupakan universiti teknikal pertama mempunyai radio profesional. Perkara ini sekaligus memberi lonjakan kepada jenama dan imej UniMAP, bukan sahaja di Malaysia, malah keperingkat global. Aspek penyiaran digunakan sebagai medium komunikasi dengan menggabungkan unsur-unsur teknikal, seni dan kemasyarakatan.

Pentadbiran UniMAPfm kini di bawah Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM) yang sememangnya amat bertepatan kerana unsur-unsur komunikasi dan penyiaran sedikit sebanyak dipraktikkan di iKOM. Pendedahan aktiviti penyiaran kepada umum, mampu membuka ruang dan minda para pelajar serta juga staf tentang kelebihan dan keunikan fungsi radio khususnya dalam aspek sistem audio. Justeru, ia memenuhi objektif penubuhan radio kampus, iaitu sebagai makmal amali para pelajar dalam bidang kejuruteraan, teknokomunikasi dan kemahiran insaniah.

Selain itu, ia juga sebagai medium komunikasi di antara pengurusan universiti dengan pelajar, PTJ dengan pelajar dan dengan agensi-agensi lain.

Tugas membimbing dan memperkenalkan para pelajar kepada dunia penyiaran bukan sesuatu yang mudah, tanpa tenaga pengajar yang berlatar belakang dalam bidang berkenaan. Staf UniMAP fm terdiri daripada Cik Marzura Mat Arid, Pegawai Tadbir, En.Nazaruddin Majid, Penolong Jurutera, En.Tengku Mohd Fadli Tengku Hamzah, Penolong Pegawai Penerbitan dan Pn. Hasmira Hashim, Penolong Pegawai Tadbir. Selain melaksanakan tugas-tugas pentadbiran, ada di antara staf yang berpengalaman sebagai penyampai radio, penerbit program, penerbit drama dan penulis berita. Perkara ini memudahkan pelajar dan staf berbakat diberi tunjuk ajar. Di samping itu juga, membolehkan UniMAPfm menyediakan garis panduan dalam memastikan kelancaran perjalanan siaran mengikut acuan tersendiri.



Para pelajar diberi peluang untuk mengendalikan konti radio mengikut segmen yang telah ditetapkan



Aspek penyiaran digunakan sebagai medium komunikasi dengan menggabungkan unsur-unsur teknikal, seni dan kemasyarakatan.



Sungguh pun begitu, pengisian radio lain selain mendengar celoteh penyampai radio di konti, aspek hiburan, buletin radio dan drama di samping variasi genre lagu-lagu, turut dimuatkan untuk pemantapan siaran. Program temubual bersama tetamu yang hadir ke konti turut diadakan, di samping memberi pendedahan kepada pelajar untuk mempraktikkan kemahiran komunikasi.

Meski pun baru berusia 3 tahun penubuhannya, UniMAPfm terus mengorak langkah untuk memperkenalkan penyiaran radio kepada umum. Peluang menjalinkan kerjasama, direbut demi penambahbaikan mutu pentadbiran dan siaran. Justeru, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015.



Pentadbiran UniMAPfm kini di bawah Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM) yang sememangnya amat bertepatan kerana unsur-unsur komunikasi dan penyiaran sedikit sebanyak dipraktikkan di iKOM

PROGRAM " INIKAN RAYA"

Oleh: Marzura Mat Arid

Program "Inikan Raya" anjuran UniMAPfm, Unit Kebudayaan dan Rekreasi UniMAP dengan kerjasama Perlisfm telah diadakan pada 6 Julai 2015 sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri di Studio Muzik Unit Kebudayaan dan Rekreasi, UniMAP.

personaliti Perlisfm. Kerjasama yang erat daripada semua pihak telah menambahkan lagi keceriaan dalam menjayakan program tersebut. Diharap UniMAPfm akan terus melebarkan jalinan kerjasama ini dengan seluruh agensi penyiaran di Malaysia.



Program yang diadakan secara rakaman ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar dan staf UniMAP tentang bidang penyiaran di samping mengeratkan lagi hubungan dan jaringan kerjasama antara UniMAPfm dan Perlisfm.



Berkonsepkan sembang santai dengan kolaborasi menarik penyampai radio UniMAPfm dan Perlisfm di samping selingan dendangan lagu-lagu raya oleh artis budaya UKR dan staf UniMAP serta



UniMAPfm turut terlibat dalam apa jua aktiviti sama ada di peringkat jabatan atau di peringkat universiti khususnya aspek promosi, sesuatu program atau liputan siaran. Ini sekaligus memberi impak dan ruang yang lebih besar kepada UniMAPfm untuk terus memantapkan lagi mutu siaran dan menggilap bakat-bakat terpendam.

Pada 11 Oktober 2015, UniMAPfm telah menghantar 5 pelajar untuk menyertai Pertandingan Penyampai Radio sempena Karnival Bahasa Jiwa Bangsa, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara dengan kerjasama Kedahfm. Pertandingan ini telah diadakan di Stadium Sultan Abdul Halim Alor Setar, Kedah.

Pelajar UniMAP telah muncul sebagai Juara pertandingan dan tempat ketiga. Dalam pertandingan tersebut para peserta perlu melaksanakan tugas sebagai penyampai radio, membaca berita dan melakonkan watak drama radio.

Seramai 13 orang peserta telah menyertai pertandingan tersebut masing-masing 5 UniMAP, 4 UUM dan 4 IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Kedah. Dengan mekanisma ini, UniMAPfm sudah tentu dapat dijadikan sebagai satu platform untuk para pelajar menceburi dan mendalami industri penyiaran tanah air.

PERTANDINGAN PENYAMPAI RADIO SEMPENA KARNIVAL BAHASA JIWA BANGSA

Oleh: Marzura Mat Arid



PUSAT KAUNSELING: “MENDENGAR. MEMAHAMI. MEMBANTU”

Oleh: Nur Aimi Muslim

Perkhidmatan Kaunseling umumnya mempunyai peranan yang besar dalam aspek pembangunan diri individu dan kecemerlangan organisasi. Pada dasarnya, Perkhidmatan Kaunseling adalah proses interaksi yang membolehkan individu memahami diri dan situasinya. Proses ini akan meningkatkan pembangunan personel, potensi diri dan perhubungan sosial yang akan mengakibatkan pembentukan atau penjelasan matlamat dan nilai hidup individu itu hingga dia dapat menentukan tindakan yang wajar untuk masa depannya. Menyedari hakikat ini, Pusat Kaunseling, iKOM sentiasa berusaha sedaya upaya untuk memenuhi keperluan pelajar dan warga universiti selaras dengan slogan kami iaitu “Mendengar.Memahami.Membantu”.

Sebagai pendokong Program Pengajian Akademik di UniMAP, Pusat Kaunseling sedaya upaya berusaha untuk membantu pelajar-pelajar yang menghadapi cabaran dan isu sama ada akademik mahupun personal yang memerlukan nasihat, bimbingan dan kaunseling.

Justeru, sebagai pusat rujukan dan intervensi bagi membantu pelajar, pensyarah dan staf bagi menangani isu-isu dan cabaran dalam akademik, kerjaya, perkahwinan, caragaya keibubapaan, tekanan dan masalah sosial, semua pelajar dan staf perlu merebut peluang untuk menggunakan perkhidmatan dan program – program pembangunan diri yang ditawarkan oleh Pusat Kaunseling. Pusat Kaunseling telah diberikan kepercayaan untuk mengendalikan Slot Pembangunan Diri & Psikologi dalam Program Transformasi Minda bagi peningkatan kompetensi staf-staf UniMAP yang akan disahkan dalam perkhidmatan. Selain itu, Pusat Kaunseling juga terlibat dalam penyediaan Artikel Info Psikologi bagi Perjumpaan Mingguan Bersama Naib Canselor.

Pusat Kaunseling yang diletakkan di bawah cabang kepimpinan iKOM bermula pada tahun 2014 terdiri daripada 4 orang staf iaitu Puan Wan Saniah Wan Yahya (Pegawai Psikologi), Puan Nur Aimi Muslim (Pegawai Psikologi), Puan Azieda Azizan (Pembantu Tadbir) dan Puan Shahrulni Liza Hussin (Pegawai Khidmat Pelanggan).

Antara perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pusat Kaunseling ialah :

1.

Kaunseling Individu

-Kaunseling Individu adalah satu proses di mana seorang kaunselor membantu seorang klien dalam menghadapi, memahami dan menerima

maklumat mengenai dirinya sendiri serta interaksinya dengan orang lain sehingga dia boleh membuat pertimbangan dan mengambil keputusan yang berkesan terhadap pelbagai pilihan hidupnya. Isu yang dibincangkan adalah dirahsiakan.

2.

Kaunseling Kelompok

-Kaunseling Kelompok terdiri dari sekumpulan ahli (< 12 org) yang bersedia dan terbuka dalam membincangkan isu yang sama dalam membantu

diri masing-masing untuk penambahbaikan terhadap tingkah laku, hubungan peribadi, nilai-nilai diri, sikap, pemilihan keputusan dan membina kemahiran dalam perkara tersebut. Isu yang dibincangkan adalah dirahsiakan dan tidak dibincangkan di luar kelompok.

3.

Ujian, Penilaian dan Pengukuran Psikologi

- Ujian psikologi stres
- Ujian personaliti
- Ujian minat

4.

Khidmat komuniti

- Aktiviti bersama Masyarakat, Agensi kerajaan, Swasta dan NGO



5.

Menganjurkan Kursus, Seminar, Bengkel untuk Pembangunan Diri dan Sahniah Pelajar serta Staf UniMAP

6.

Khidmat Pembimbing Rakan Siswa (PRS)

7.

Menyediakan tempat untuk pelajar menjalankan Latihan Praktikal (Kaunseling & Psikologi)



PROGRAM MESRA SINERGI UTARA – KUNJUNGAN PRS UMT KE UNIMAP

Oleh: Wan Saniah Wan Yahya

Pada 20 Mac 2015 Pembimbing Rakan Riswa UniMAP di bawah naungan Pusat Kaunseling, iKOM telah menerima kunjungan persahabatan dari Pembimbing Rakan Siswa Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dalam Program Mesra Sinergi Utara anjuran UMT. Seramai 40 orang PRS dari UMT yang telah menyertai program kunjungan berkenaan. Mereka telah disambut oleh 20 orang PRS dari UniMAP.

Dalam perjumpaan setengah hari berkenaan, ahli-ahli PRS berkesempatan berkenalan antara satu sama lain di samping bertukar-tukar maklumat dan pandangan mengenai pelbagai isu dan program-program yang dijalankan di universiti masing-masing. Sesi perjumpaan tersebut telah diadakan di Bilik Seminar Siantan PPK Pembantuan. Setelah selesai sesi perbincangan, tetamu telah dibawa melawat Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra. Tetamu bergerak pulang pada jam 1.00 tengah hari. Pertemuan itu telah mengeratkan lagi hubungan antara PRS dari kedua-dua buah universiti.



20 MAC 2015

PEMBIMBING RAKAN SISWA

UNIVERSITI

MALAYSIA TERENGGANU

Seramai 40 orang PRS dari UMT yang telah menyertai program kunjungan ke UniMAP



Program pencarian bakat motivator UniMAP 2015 yang diadakan pada 1 April 2015 merupakan satu program yang berbentuk pertandingan bagi mencungkil bakat dalam kalangan pelajar UniMAP dalam bidang pengucapan awam. Program berkenaan juga di anjurkan bagi mendapatkan 2 orang wakil yang benar-benar layak untuk menyertai "Intersity Young Motivator Competition 2015" (iMaC) yang akan berlangsung pada Mei 2015 bertempat di Universiti Putra Malaysia, anjuran Majlis Kaunseling & Kerjaya Universiti Malaysia (MAKUMA). Antara objektif utama program berkenaan adalah untuk mencungkil bakat peserta dalam pengucapan awam serta menyerlahkan potensi diri khususnya dalam komunikasi.

Program berkenaan yang diadakan di Bilik Seminar Siantan PPK Pembuatan UniMAP Pauh Putra bermula pada jam 8.30 pagi menyaksikan persaingan di antara 20 orang peserta dari pelbagai pusat pengajian UniMAP. Antara topik-topik yang diperbincangkan adalah berkisar tentang gejala sosial, keibubapaan, pembelajaran, pencegahan dadah, dan isu-isu berkaitan remaja. Program tersebut diadili oleh empat orang juri iaitu Dr. Hanum Hassan, En. Jamsari Jamaluddin, En. Mohd Hafiz Zainol dan Pn. Suzana Sulaiman.

Johan bagi pertandingan tersebut di sandang oleh Azimah Ayub dari PPK Alam Sekitar dengan memperoleh 81 markah, Naib johan pula disandang oleh Umirul Hafizi Kamarul Idzam dari PPIPT dengan jumlah markah sebanyak 77 markah, manakala tempat ketiga dengan kutipan markah sebanyak 76 markah disandang oleh Mohamad Izat Rizal dari iKOM. Dua orang pemenang dari pertandingan tersebut iaitu Azimah dan Umirul Hafizi telah dipilih sebagai peserta yang akan mewakili UniMAP ke pertandingan "Intersity Young Motivator Competition 2015" (iMaC) yang bakal berlangsung pada bulan Mei 2015 di Universiti Putra Malaysia.

PROGRAM PENCARIAN BAKAT MOTIVATOR CUNGKIL BAKAT MAHASISWA DALAM PENGUCAPAN AWAM

Oleh: Wan Saniah Wan Yahya

DUA PELAJAR WAKILI UNIMAP KE PERTANDINGAN INTERVARSITY YOUNG MOTIVATOR COMPETITION (IMAC)

Oleh: Wan Saniah Wan Yahya



Pertandingan "Intersity Young Motivator Competition" atau ringkasnya iMaC merupakan program anjuran Majlis Kaunseling Kerjaya Universiti Universiti Malaysia (MAKUMA). Program berkenaan telah dilangsungkan di Universiti Putra Malaysia pada 7-10 Mei 2015 dan melibatkan peserta dari universiti universiti di seluruh negara. UniMAP juga tidak ketinggalan untuk menghantar dua orang pelajarnya ke pertandingan tersebut.

Dua orang peserta tersebut adalah johan dan naib johan dalam pertandingan Pencarian Bakat Motivator di peringkat UniMAP yang dianjurkan oleh Pusat Kaunseling, iKOM. Mereka ialah saudari Azimah Ayub dari PPK Alam Sekitar dan saudara Umirul Hafzi Kamarul Idzam dari PPIPT. Mereka berdua telah diiringi oleh seorang pegawai pengiring iaitu Puan Nur Aimi Muslim dari Pusat Kaunseling yang juga merupakan salah seorang juri bagi pertandingan berkenaan.

Dalam pertandingan yang berlangsung selama 3 hari tersebut, Saudari Azimah telah berjaya meraih tempat ketiga dengan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM 1000.00. Johan bagi pertandingan berkenaan telah di sandang oleh peserta dari Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) manakala naib johan pula telah disandang oleh peserta dari Universiti Utara Malaysia (UUM).



SUMBANGAN

MEMPELAM HARUM MANIS

Oleh: Wan Saniah Wan Yahya

Sebut sahaja mengenai Negeri Perlis, pasti ramai di antara kita akan terbayangkan permata yang terdapat di dalamnya iaitu buah mempelam Harum Manis. Setiap tahun antara bulan April sehingga Jun bumi Perlis akan dibanjiri oleh pengunjung-pengunjung dari seluruh negara. Malah ada pengunjung yang datang dari luar negara dengan tujuan untuk merasai dan menikmati keenakan buah mempelam Harum Manis.

Justeru, UniMAP melalui iKOM antara universiti yang terletak di Negeri Perlis turut mengambil kesempatan menyumbangkan buah-buahan mempelam Harum Manis sebagai tanda keriaan kepada rakan-rakan yang mempunyai rangkaian dengan UniMAP bagi mengeratkan lagi silaturrahim dan hubungan kerjasama. Sumbangan tersebut telah dilakukan dengan kaedah penghantaran melalui pos dan di hantar terus kepada tetamu-tetamu yang diraikan.



SEMINAR MOTIVASI PERDANA 'KENALI DIRI SERLAHKAN POTENSI'

Oleh: Wan Saniah Wan Yahya



Seminar Motivasi Perdana " Kenali Diri, Serlahkan Potensi" anjuran bersama Pusat Kaunseling, iKOM dan Unit Latihan Jabatan Pendaftar buat julung kalinya telah diadakan pada 25 Mei 2015. Seminar sehari tersebut telah berlangsung di Dewan Kapitol melibatkan seramai 270 orang staf UniMAP. Antara objektif program tersebut adalah membantu para peserta mengenali potensi diri mereka di samping melahirkan pekerja yang berkualiti melalui disiplin diri yang tinggi, amanah dan mampu menjadi aset berharga buat organisasi.

Penceramah jemputan pada program ini terdiri daripada Prof. Madya Dr Huzili Hussin yang merupakan kaunselor berdaftar dan juga pakar dalam bidang

kaunseling dan psikologi. Beliau telah menyampaikan ceramah berkaitan 'Cara Berfikir Betul Menurut Perspektif Psikologi'. Manakala penceramah jemputan kedua iaitu Tn. Syeikh Ahmad Faisal Omar yang merupakan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Undang undang Syariah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah dengan tajuk 'Gaji Diterima, Amanah Terlaksana'.

Hasil dari maklumbalas yang diterima dari para peserta memaklumkan bahawa mereka berpuas hati dengan program yang telah diikuti dan dapat membantu meningkatkan tahap motivasi mereka dalam menjalankan tugas seharian.

KURSUS ASAS KAUNSELING KEPADA STAF AKADEMIK UNIMAP 2015

Oleh: Wan Saniah Wan Yahya



Kursus Asas Kaunseling Kepada Staf Akademik merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Pusat Kaunseling dan Unit Latihan Jabatan Pendaftar. Kursus berkenaan telah berlangsung selama dua hari iaitu pada 28 dan 29 Oktober 2015 bertempat di Bilik Seminar iKOM. Seramai 28 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan akademik UniMAP telah menghadiri kursus tersebut.



Antara objektif kursus berkenaan adalah memberi pendedahan kepada peserta mengenai kemahiran asas kaunseling supaya dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian dan bagi membantu diri sendiri, rakan rakan serta pelajar pelajar UniMAP.

Kursus berkenaan amat penting bagi membantu peserta dalam meningkatkan kemahiran menolong memandangkan mereka merupakan Rakan Pendamping Siswa (RPS) yang bertanggungjawab menyelia pelajar pelajar yang telah di agihkan secara kelompok bermula sejak awal pendaftaran mereka di UniMAP sehingga tamat pengajian.

Antara penceramah jemputan yang telah hadir dan berkongsi kepakaran masing masing adalah Profesor Madya Dr. Huzili Hussin, Dekan iKOM, tiga orang penceramah dari Universiti Utara Malaysia iaitu Profesor Madya Dr. Noor Azniza Ishak, Dr. Siti Rozaina Kamsani dan Dr. Nabisah Ibrahim serta pakar psikiatrik dari Hospital Tuanku Fauziah Kangar iaitu Dr. Ruzita Jamaludin.

Antara topik menarik yang dikongsikan adalah pengenalan kaunseling, kemahiran asas kaunseling individu, kemahiran asas kaunseling kelompok, isu isu dalam kaunseling dan isu-isu kesihatan mental. Peserta juga turut didedahkan dengan teknik relaksasi bagi mengurangkan tekanan yang dikendalikan oleh Profesor Madya Dr. Huzili Hussin.



CATATAN BANJIR KELANTAN 2015: “BERAT MATA MEMANDANG, BERAT LAGI BAHU MEMIKUL”

Oleh: Nur Aimi Muslim

Banjir teruk yang melanda negeri di Pantai Timur bukan sahaja mengakibatkan kemusnahan dan kehilangan harta benda malah mangsa-mangsa yang terlibat turut mengalami tekanan perasaan dan trauma. Tekanan ini bukan sahaja dirasakan oleh mangsa-mangsa banjir tetapi turut menghantui petugas-petugas banjir dan sukarelawan yang membantu.

Pada 5 Januari 2015 hingga 9 Januari 2015 yang lalu, Misi Bantuan Pasca Banjir Fasa 2 yang terdiri daripada staf staf Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) berkampung di Tumpat, Kelantan. Perjalanan daripada Perlis ke Kelantan

menyusuri Lebuhraya Utara Selatan kemudian melalui Lebuhraya Karak, merentasi Negeri Pahang dan akhirnya setelah 23 jam perjalanan kami tiba di Negeri Kelantan. Perjalanan yang begitu panjang membuatkan saya dan rakan-rakan lebih bersemangat untuk melalui hari-hari yang berikutnya.

Misi bantuan kami tertumpu di Sekolah Menengan Kebangsaan Kampung Laut, Sekolah Rendah Kampung Laut, dan Pulau Beluru yang terletak di Daerah Tumpat Kelantan. Tumpat juga merupakan antara kawasan yang terjejas teruk akibat banjir di Kelantan. Sekali lagi perasaan kami bagai direntap apabila menyaksikan kemusnahan harta benda dan peralatan persekolahan di sekolah-sekolah tersebut. Selain usaha-usaha pembersihan dijalankan, misi bantuan ini turut memberikan bantuan peralatan persekolahan dan sokongan daripada aspek emosi dan psikologi kepada guru-guru dan penduduk kampung tersebut. Semangat luar biasa dapat saya dan rakan-rakan rasakan apabila berada di sini.

Tidak kedengaran keluhan ‘penat’, ‘letih’ dan ‘jijik’. Semuanya bersemangat dan berkerjasama untuk membersihkan kawasan sekolah agar adik-adik di sekolah ini dapat meneruskan sesi persekolahan dengan selesa dan gembira walaupun serba kekurangan.

Ketika kami membuat kunjungan ke Kampung Pulau Beluru, saya dan para sukarelawan berpeluang untuk mendengar rintihan dan pengalaman daripada penduduk kampung tersebut yang kebanyakannya terdiri daripada warga tua yang semakin uzur dimamah usia. Saya dan rakan-rakan turut memberikan



kata-kata sokongan dan semangat untuk mereka menghadapi hari-hari yang mendatang walaupun dalam keadaan yang sukar.

Ya Allah.. begitu hebat ujian daripadaMu kepada mereka. Tidak tercapai dek akal apabila melihat keadaan sungai Kelantan yang menjadi seperti kawah yang terlalu dalam sehingga mampu menghanyutkan apa sahaja yang ada berdekatan dengannya. Suasana di dalam bas menjadi sayu dan hiba melihat jalan yang rosak dan tar yang pecah akibat banjir menyukarkan lagi bantuan untuk sampai ke sana. Saya teringat tentang Kalamullah di mana Allah tidak akan sekali kali menguji hambaNya diluar kemampuan hambaNya.

Alhamdulillah. Peluang yang diberikan dan pengalaman yang diperolehi sepanjang terlibat dalam Misi Bantuan Pasca Banjir Fasa 2 ini tidak akan dapat dilupakan. Kesulitan yang kami hadapi sangat sedikit jika ingin dibandingkan dengan musibah yang menimpa mereka. Semoga mangsa-mangsa banjir tabah dan kuat untuk menghadapi hari-hari yang mendatang.

ASIA SUMMER PROGRAM 2015 (ASP)

Oleh: Salimah Alias

Antarabangsa Josai (JIU) sempena ulang tahun ke-50 penubuhan Universiti Josai Pendidikan Corporation (JUEC). Asia Program Summer 2015 (ASP) telah berlangsung selama 25 hari bermula 6 Julai dan berakhir pada 29 Julai 2015.

ASP merupakan program bersama dan perkongsian tanggungjawab ini dirasai oleh pemimpin lima

universiti pengasas iaitu Universiti Bangkok, Thailand; Dongseo University, Korea; Josai University, Jepun; Petra Christian University, Indonesia; dan Universiti Malaysia Perlis, Malaysia. Pada tahun ini, program ini diadakan di Josai University dan diselenggarakan di tiga kampus berasingan, Sakado Campus, Togane Campus dan Awa Campus mengikut kursus serta bidang pengajian.

Tema untuk ASP 2015 kali ini adalah "A Global Get Together in Japan: Promoting Global Exchange in Asia". Oleh itu, pada ASP kali ini UniMAP telah menghantar seramai 16 orang pelajar dan 3 pensyarah serta iKOM menawarkan satu kursus yang dirasakan sesuai untuk dikongsi bersama peserta ASP 2015, Jepun. Kursus tersebut adalah kursus Kemahiran Berfikir. Salah seorang tenaga pengajar Kemahiran Berfikir iaitu Cik Nur Salimah Alias telah dihantar ke program ini dan ditempatkan di Kampus Togane, JIU bersama 9 pelajar UniMAP.

Pelbagai aktiviti telah disediakan oleh pihak penganjur dan antara yang paling menarik adalah mempelajari cara untuk memakai pakaian tradisional "Yukata", belajar cara balutan orang Jepun yang dipanggil "furoshiki wrap" yang digunakan oleh Jepun untuk membalut hadiah atau botol, merasai pengalaman "flowing noodles" iaitu budaya tradisional untuk makan mi dan 'talent show' yang menampilkan lawak jenaka orang Jepun. Kemudian pelajar akan makan malam di kafeteria sebelum kembali ke hotel dengan menaiki bas. Apa yang menarik pada ASP kali ini ialah pelajar dan pensyarah muslim dapat merasai pengalaman berbuka puasa dan berhari raya di perantauan. Penganjur pula amat memahami situasi dan keperluan peserta muslim yang berpuasa. Makanan bungkus disediakan bagi berbuka dan sahur.



Pada hujung minggu pertama iaitu 11 dan 12 Julai 2015, satu acara yang dikenali sebagai "Wellness Exchange Day" telah diadakan di Kampus Awa, acara ini dianjurkan oleh Fakulti Pelancongan di Josai International University, Kampus Awa sebagai acara tahunan mereka. Pada kesempatan ini, semua peserta ASP 2015 berkumpul dan berpeluang untuk berkongsi tentang negara asal mereka.

Pelajar UniMAP memperkenalkan Malaysia melalui tarian tradisional, makanan tradisional dan poster mewakili tiga etnik di Malaysia. Josai International University, Kampus Awa terletak di kawasan resort Kamogawa-shi yang memerlukan sekitar 2 jam perjalanan dengan bas dari Togane Campus; dalam perjalanan ke Awa Kampus peserta diberi peluang melawat Kamogawa Sea World dan juga rumah kelahiran pengasas JIU, Mikio Mizuta.

Asia Summer Program 2015 (ASP) telah diadakan di Universiti Josai (JU) dan Universiti Pada hujung minggu kedua iaitu 16 dan 17 Julai 2015, peserta UniMAP telah dijemput oleh komuniti Islam Yamanashi University untuk meraikan Hari Raya Aidilfitri dengan mereka.

Salah seorang pelajar di Yamanashi University merupakan kakitangan UniMAP yang sedang melanjutkan pengajian PhD di sana iaitu Encik Yuzairi Rahim dari Pusat Pengajian Pembuatan, UniMAP. Oleh itu peserta muslim UniMAP dari Kampus Togane menghabiskan masa di Yamanashi University untuk meraikan Hari Raya Aidilfitri dan melawat beberapa tempat menarik di wilayah Yamanashi seperti Gunung Fuji.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri tersebut telah diadakan di Dewan Pusat Persatuan Antarabangsa Yamanashi yang telah dihadiri oleh kira-kira 30 pelajar Islam dari Universiti Yamanashi. Pengalaman menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama komuniti Universiti Yamanashi merupakan antara kenangan yang tidak dapat dilupakan.

Secara keseluruhannya, Asia Summer Program 2015 (ASP) telah memberi manfaat kepada pelajar yang mengambil bahagian selain pensyarah melalui interaksi budaya dan perkongsian pengetahuan. Program ini secara khususnya telah membangunkan dan menguatkan potensi pelajar yang terlibat melalui peningkatan kemahiran insaniah, kemahiran komunikasi dan kepimpinan mereka untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baru. Dalam konteks yang lebih luas, ASP 2015 sebenarnya telah mengukuhkan hubungan antara UniMAP dan universiti universiti antara





MAJLIS SANTAPAN MALAM SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN KE-10

Oleh: Ameer Fuhaili

Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknocomunikasi (iKOM) buat julung kalinya telah diberi kepercayaan oleh UniMAP untuk mengadakan Majlis Santapan Malam Sempena Istiadat Konvokesyen UniMAP ke-10 pada 18 September 2015 di Dewan Harum Manis, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Pauh Putra. Majlis pada kali ini bertemakan Navigating the Future, telah menjadi pilihan iKOM sendiri semasa mesyuarat agong persatuan yang telah dijalankan pada pertengahan tahun.

Objektif Majlis Santapan Malam ini diadakan adalah bertujuan bagi memberikan penghargaan serta penghormatan kepada pelajar semester akhir dan juga kepada para pelajar yang telah berjaya mendapat keputusan yang cemerlang pada semester yang lepas. Majlis ini juga diadakan bagi mengeratkan hubungan sillaturrahim serta mengukuhkan lagi perpaduan antara pelajar-pelajar, para exco dan juga para pensyarah UniMAP.

Majlis Santapan Malam ini dimulakan dengan sesi pendaftaran para pelajar dan ketibaan para tetamu kehormat. Apabila selesai ketibaan Naib Canselor, DYT M Canselor UniMAP dan DYT M Pro Canselor UniMAP, upacara menandatangani MoU berlaku. Majlis ini diteruskan lagi dengan ucapan daripada Y.Bhg Naib Canselor, Y.Bhg. Brig. Jen. Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin, dan seterusnya acara pelancaran penerbitan khas berlangsung. Di dalam ucapan yang disampaikan itu, Naib Canselor memberi nasihat dan dorongan kepada semua pelajar dan staf UniMAP yang hadir.



Seterusnya, majlis diserikan dengan tayangan multimedia yang telah disediakan oleh iKOM dan Unit Multimedia selain persembahan mengenai media baharu sambil menjamu selera. Kemudian majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada pelajar yang menerima anugerah dan majlis berakhir tepat pada pukul 11.30 malam.



Objektif Majlis Santapan Malam ini diadakan adalah bertujuan bagi memberikan penghargaan serta penghormatan kepada pelajar semester akhir dan juga kepada para pelajar yang telah berjaya mendapat keputusan yang cemerlang



MAJLIS ANUGERAH GEMILANG IKOM

Oleh: Nur Salimah Alias

PENGHARGAAN IKOM KEPADA PELAJAR CEMERLANG
ANUGERAH DEKAN DAN ANUGERAH BESTARI

Pada 10 Disember 2015, Persatuan Pelajar iKOM dengan kerjasama Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM) telah menganjurkan Majlis Anugerah Gemilang iKOM bertempat di Dewan Seri Anggerik, Hotel Sri Malaysia, Kangar, Perlis. Majlis tersebut merupakan julung kalinya diadakan dengan objektif utamanya adalah bagi meraikan pelajar-pelajar Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu yang telah memperoleh keputusan cemerlang pada semester satu dan dua pada sidang akademik 2014/2015 yang lalu.

Penghargaan iKOM terhadap usaha-usaha cemerlang pelajar ditunjukkan melalui dua jenis anugerah iaitu Anugerah Dekan yang diberikan kepada pelajar yang memperoleh PNG 3.5 ke atas dan Anugerah Bestari yang diberikan kepada pelajar yang memperoleh PNG 3.0 ke atas. Seramai 16 pelajar telah menerima Anugerah Dekan dan lebih kurang 85 orang pelajar telah menerima Anugerah Bestari pada sidang akademik 2014/2015. Majlis ini telah dihadiri oleh hampir kesemua pelajar tahun 2 iKOM, sebilangan tahun 1, tenaga pengajar Komunikasi Media Baharu, barisan RPS diambil pertama iKOM serta diserikan lagi dengan kehadiran Yang Berbahagia, Tuan Dekan iKOM Profesor Madya Dr. Huzili Hussin.

Selain itu, majlis ini merupakan satu medium bagi memberi pengalaman serta menguji kebolehan pelajar-pelajar Komunikasi

Media Baharu untuk menganjurkan sebuah majlis makan malam yang semestinya memerlukan pelajar-pelajar ini untuk bekerjasama, menjadi kreatif, berkomunikasi, bertoleransi dan pelbagai lagi elemen yang dapat membantu dalam pembangunan jati diri mereka.

Alhamdulillah, walaupun hampir 100% perancangan serta perjalanan majlis diuruskan oleh pelajar, namun majlis ini telah berjalan dengan lancar dan jayanya. Harapannya, agar majlis penganugerahan seperti ini dapat memberi inspirasi kepada pelajar untuk terus cemerlang dalam akademik di samping dapat meningkatkan lagi rasa cinta dan sayang kepada pusat pengajian mereka, iKOM.



//
Majlis Anugerah Gemilang iKOM bertempat di Dewan Seri Anggerik, Hotel Sri Malaysia, Kangar, Perlis.

PERKONGSIAN PSIKOLOGI : DENDAM MERACUNI DIRI

Oleh: Nur Aimi Muslim

Setiap orang tidak pernah lari daripada melakukan kesilapan. Kadangkala wujud perasaan dendam hasil daripada perasaan marah atau benci, kemudian dipendam secara rahsia yang akhirnya akan membawa kepada ketidakpuasan hati dan kerosakan jiwa. Perasaan ini sebenarnya boleh dikikis dan dibuang namun ia akan mengambil masa untuk hilang sikit demi sedikit bergantung kepada bagaimana cara kita menyelesaikannya. Marilah kita hayati kisah analogi pendek ini untuk dijadikan pengajaran dan iktibar kepada kita semua.

Kisahnyanya berbunyi begini. Seorang guru telah meminta setiap muridnya membawa satu beg plastik berisi pisang. Setiap pisang mewakili satu nama yang dibenci oleh anak muridnya dan jumlah pisang bergantung kepada seberapa ramai orang yang mereka benci. Hari yang dinanti tiba, dan semua murid masing-masing membawa plastik yang berisi pisang bersama nama yang mereka benci seperti yang diarahkan. Ada yang membawa 3 biji pisang dan ada juga sehingga 5 biji pisang. Guru tersebut meminta semua muridnya membawa plastik berisi pisang tersebut ke mana sahaja mereka pergi selama seminggu. Hari berganti hari, dan mereka mula merungut bau busuk yang dikeluarkan oleh pisang yang sudah busuk tersebut.

Bagi yang mempunyai 5 biji pisang, plastik tersebut semakin memberat. Ada di antara mereka yang berasa mual, pening dan hilang selera makan kerananya. Akhirnya, mereka membuang pisang-pisang itu ke dalam tempat sampah. Mereka juga beranggapan mereka telah memaafkan nama-nama yang mereka tulis di atas kulit pisang tersebut. Apabila guru tersebut bertanya kenapa mereka membuang plastik tersebut, semua murid menjawab kerana mereka tidak tahan dan tidak sanggup untuk menghadapi masalah apabila membawa beg plastik yang berat dan pisang yang berbau ke mana sahaja mereka pergi.

Berdasarkan analogi tersebut, kita dapat membuat kesimpulan di mana pisang itu diibaratkan sebagai orang yang pernah menyakitkan hati kita dan orang yang dibenci yang kemudiannya perasaan benci itu telah menyebabkan pisang itu menjadi busuk. Di sini dapat

kita lihat apabila kita mempunyai perasaan benci dan dendam dalam diri, ia akan memberikan kesan terhadap kehidupan kita. Jika kita tidak boleh menerima bau pisang yang busuk itu, bagaimana kita mampu untuk membawa perasaan benci dan dendam di dalam hati sepanjang hidup kita.

Cuba kita renung kembali perjalanan hidup kita. Kita sering mendengar ungkapan 'saya dah maafkan dia', 'saya tak berdendam dengan awak lagi' tetapi apabila ada perkara buruk yang berlaku kepada orang yang kita benci itu, kita akan kata 'padan muka, tengoklah tuhan dah balas apa yang dia dah buat pada aku'. Hakikatnya kita masih belum memaafkan orang tersebut kerana di dalam diri kita masih ada unfinished business.

Begitu juga situasi di tempat kerja apabila kita berhadapan dengan ketua yang terlalu kritikal, menafikan hak pekerja sehingga menjatuhkan maruah pekerja di khalayak ramai. Ini akan menyebabkan pekerja berasa kecewa, rendah diri, benci dan sekaligus menjejaskan estimasi diri pekerja. Akhirnya hilanglah rasa hormat dan wujud dendam yang akan menyebabkan kegagalan sesebuah organisasi.

Kemaafan adalah ubat dendam dan benci yang paling mustajab. Percayalah, memaafkan seseorang akan membuat kita melupakan kisah silam. Pepatah ada mengatakan 'memaafkan mungkin membuatkanmu kelihatan lemah, tetapi sebenarnya orang yang terlemah adalah mereka yang dirinya penuh dengan perasaan benci dan amarah'.



TUJUH CARA MENANGANI STRES DI TEMPAT KERJA ANDA

“ Adalah amat penting bagi seseorang pekerja itu tahu cara bagaimana untuk menangani stres di tempat kerjanya



Dunia mencabar dewasa ini menuntut individu untuk bekerja dalam memenuhi keperluan ekonomi diri dan keluarga. Justeru, tanggungjawab yang bertambah dalam tuntutan keperluan ekonomi sosial menyebabkan seseorang individu menjadi lebih tertekan dan akhirnya seringkali mengalami emosi negatif.

Emosi negatif di tempat kerja seringkali dikaitkan dengan stres. Stres umumnya ialah satu perasaan ketidakpuasan dan jika berkaitan dengan pekerjaan sudah semestinya melibatkan tugas yang perlu disiapkan pada waktu tertentu. Tuntutan untuk melaksanakan tugas hakiki termasuk tugas lain yang melibatkan tarikh, masa dan tempoh yang terhad menyebabkan stres diistilahkan sebagai ‘lumrah alam dunia pekerjaan’ sehingga menjadi satu ‘penyakit kerja’ di mana mana organisasi.

Stres yang melampau boleh menjejaskan kesihatan sehingga mengganggu pekerjaan. Stres juga menyebabkan tiadanya motivasi untuk melakukan sesuatu pekerjaan dengan baik sehinggakan mendatangkan perasaan malas untuk ke tempat kerja. Malahan, stres jika tidak ditangani dengan baik boleh mengganggu emosi sihat dan merupakan penyebab kepada keretakan hubungan sosial di pejabat.

Sungguhpun begitu, terdapat stres yang diistilahkan sebagai stres yang baik. Stres yang baik ialah apabila tekanan yang dirasakan oleh seseorang pekerja itu membuatkannya lebih berdaya usaha untuk melakukan yang terbaik, bermotivasi melaksanakan kerja sehingga selesai, sentiasa bersemangat dan berdaya saing. Manakala, jika berada dalam situasi berbahaya, menghadapi risiko ataupun konflik; stres merupakan ‘alat penggera keselamatan’ agar diri sentiasa berada dalam keadaan berjaga-jaga, sentiasa berhati-hati serta teliti apabila membuat sebarang keputusan dan tindakan.

Oleh yang demikian, adalah amat penting bagi seseorang pekerja itu tahu cara bagaimana untuk menangani stres di tempat kerjanya. Maka, ikutilah tujuh langkah ini bagi menangani stres di tempat kerja anda:

1. Jika anda berasa stres di tempat duduk; bangun dan buat senaman ringan. Berjalan-jalan sebentar dan sekiranya perlu, berbual-bual dengan rakan dengan topik perbualan yang ringan dalam waktu yang singkat.

2. Mata yang sentiasa melihat skrin komputer dalam jangka waktu yang lama akan membuatkannya seseorang itu berasa letih. Maka, bangunlah dari tempat kerja anda dan lihat serta latih mata anda melihat persekitaran yang hijau. Persekitaran (alam sekitar dengan tumbuhan yang hijau) boleh menimbulkan rasa segar, sihat dan tenang.

3. Pastikan tempat duduk (meja) di mana anda bekerja sentiasa kemas dan bersih. Tempat kerja yang teratur, kemas dan bersih amat penting dalam pengurusan kerja yang baik dan mewujudkan suasana yang harmoni tanpa rasa serabut.

4. Jaga peradaban di tempat kerja. Peradaban yang baik dalam sosialisasi di tempat kerja amat penting agar konflik dapat dihindarkan. Konflik antara rakan sepejabat, ketua atau dengan sesiapa sahaja di tempat kerja merupakan pencekutan utama stres di tempat kerja. Kekalkan suasana yang harmoni agar perasaan atau emosi negatif dapat diminimalkan.

5. Jaga pemakanan anda di tempat kerja. Diet yang seimbang membantu untuk mengurangkan stres. Jauhi makanan bergaram dan berminyak.

6. Minum banyak air masak. Air masak boleh memulihkan kadar hidrasi anda dan ini akan membantu mengurangkan kadar stres dan memberikan rasa ‘segar’.

7. Pakai pakaian kerja yang bersesuaian dan selesa. Pakaian kerja yang bersesuaian dengan jenis kerja yang ingin dibuat membantu dalam membina keyakinan diri anda di tempat kerja. Bukan itu sahaja, pakaian yang selesa memberi kelesaan dalam anda melaksanakan tugas tanpa rasa rimas dan perasaan tidak selesa.

Justeru, tujuh langkah menangani stres di tempat kerja ini perlu dijadikan latihan rutin bagi seseorang individu yang bekerja agar kekal segar, harmoni dan bahagia di tempat kerja. Ini adalah kerana individu yang berasa segar, harmoni dan bahagia di tempat kerja menghasilkan mutu kerja yang baik, produktiviti kerja meningkat malahan, berkeupayaan meningkatkan kualiti sosialisasi yang baik, sihat dan positif bersama dengan rakan-rakan sepejabat serta komuniti di organisasi secara amnya.



PENCAPAIAN, PENYELIDIKAN, PROSIDING DAN PENERBITAN

Geran Penyelidikan

Geran Dalaman

Bil.	Nama & Kod Geran	Agensi Geran	Tajuk Penyelidikan	Nama Ketua Penyelidik & Nama Penyelidik	Jumlah Dipohon (RM)
1	Geran Penyelidikan Jangka Pendek 2015 (9001-00477)	Universiti Malaysia Perlis	Kajian untuk Menggunakan Media Baharu Bagi Meningkatkan Keberkesanan Pengajaran & Pembelajaran di UniMAP	1. Adila Ismail (K) 2. Edzham Armin Abdul Rahim 3. Nur Azila Azahari	10000.00
2	Pemakaian Konsep Hisbah Dalam Undang-undang dan Prosedur Pencegahan Maksiat dan Tangkapan Khalwat di Malaysia (FRGS/1/2014/SSI10/UUM/03/2)	Universiti Malaysia Perlis	Pemakaian Konsep Hisbah Dalam Undang-undang dan Prosedur Pencegahan Maksiat dan Tangkapan Khalwat di Malaysia	1. Azhar Alias 2. Shuhairimi Abdullah	68,200.00
3	Geran Penyelidikan Khas (9004-00046)	Universiti Malaysia Perlis	Implementing Information and Communication Technology (ICT) in Construction Industry	1. PM Dr. Mohd Mustafa Albakri Abdullah (FTK) 2. Dr. Azremi Abdullah Al Hadi (PPKKP) 3. Dr. Syed Zulkarnain Syed Idrus (IKOM) 4. Dr. Phak Len Al Eh Kan (PPKKP) 5. Suhizaz Sudin (PPKKP) 6. Donny Arief (UUI, Indonesia) 7. Julie Dwina Puspitasari (UUI, Indonesia)	45000.00
JUMLAH					123,200.00

Geran Luar

Bil.	Nama & Kod Geran	Agensi Geran	Tajuk Penyelidikan	Nama Ketua Penyelidik & Nama Penyelidik	Jumlah Dipohon (RM)
1	FRGS/1/2015/SS02/UNIMAP/01/1 (9003-00503)	Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	Intervention Guidelines and Model Programs for Strengthening Family and Community Resilience in Traumatic Loss and Major Flood Disasters	1. Prof. Dr. Rosnah Ismail (IKOM) 2. Dr. Ferlis Bullare @ Bahari (UMS) 3. Dr. Shuhairimi Abdullah (IKOM) 4. En. Mohd Kasturi Nor Abd Aziz (IKOM) 5. Pn. Jasmine Adela Mutang (UMS)	79200.00
2	FRGS/1/2014/SS02/UNIMAP/01/1 (9003-00476)	Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	Developing A Theoretical Model and Instrument Framework of Transition To School (TTS) FOR Ethnically/ Culturally Diverse Families of Children with Autism Spectrum Disorders (ASD)	1. Prof. Dr. Rosnah Ismail (IKOM) 2. Prof. Dr. Sazali Yaacob (UnIKL) 3. Dr. Shuhairimi Abdullah (IKOM) 4. En. Mohd Kasturi Nor Abd Aziz (IKOM) 5. Prof. Madya Dr. Chua Bee Seok (UMS) 6. Dr. Ferlis Bullare @ Bahari (UMS) 7. Pn. Jasmine Adela Mutang (UMS)	84000.00
3	Rural Transformation Program (NBOS)	Kementerian Pengajian Tinggi (NBOS)	Kajian Bersepadu Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Zon Utara	1. Prof. Madya Dr. Hartini Ahmad (UUM) 2. Prof. Madya Dr. Azizi Bakar (UUM) 3. Dr. Nor Intan Saniah Sulaiman (UUM) 4. Dr. Azhari Hashim (UITM) 5. Zahari Mohamed (UUM) 6. Muhammad Izmer Yusof (IKOM)	50000.00
JUMLAH					213,200.00

Prosiding

Kertas Kerja (Prosiding peringkat antarabangsa)

Bil.	Nama Penulis	Tajuk Kertas Kerja	Nama Persidangan	Tarikh	Tempat
1	Amani Ali	Funding scientific research and The Impact on human development Malaysia as a model	"The Development of the University Education in the Arab and Islamic World during the Era of Globalization and Knowledge" CAIRO ,EGYPT.	February 2015	Cairo, Egypt
2	1. Syed Zulkarnain Syed Idrus (IKOM) 2. Estelle Cherrier (GREYC, Perancis) 3. Christophe Rosenberger (GREYC, Perancis) 4. Soumik Mondal (NISLab, Norway) 5. Patrick Bours (NISLab, Norway)	Keystroke Dynamics Performance Enhancement with Soft Biometrics	IEEE International Conference on Identity, Security and Behaviour Analysis (ISBA) 2015	23-25 Mar. 2015	Hong Kong
3	1. Azuddin Bahari 2. Shattri Mansor 3. Dr. Hanum Hassan	An Exploratory Study On The Voluntary Organizations' Capability For Emergency Deployment And Response In The Flood Disaster In The Northern State Of Peninsular Malaysia	The World of UAV International Conference (WoUCON) 2015	Mac 2015	Langkawi, Malaysia
4	1. Huzil Hussin 2. Nur Salimah Alias 3. Mohamad Hashim Othman 4. Abd. Majid Mohd Isa 5. Kamarudin Hussin 6. Nor Azmah Karim 7. Ku Azira Ku Aziz	The Effectiveness Of Brief Cognitive Behavioral Therapy Module On Locus Control Among Drug Abusers	The 1st International Joint Conference of Indonesia-Malaysia-Ireland and Bangladesh (IJCIMBI 2015)	April 2015	Banda Aceh, Indonesia
5	Ramlah Adam	Kepentingan Warisan Institusi Raja Nusantara	Majlis Silatnas Raja Dan Sultan Nusantara 2015 Bagi Mewakili Kerabat Raja Kelantan	April 2015	Puri Agung Klungkung, Kabupaten Klungkung, Provinsi Bali, Indonesia
6	1. Dr. Hazman Hassan (UUM) 2. Muhammad Ihsan Idris (UUM) 3. Mohd Kasturi Nor Abd Aziz (IKOM) 4. Dr. Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri (UUM)	"Minta Tabik Datuk Bumi Putera di Sini: Karamah, Keramat dan Pemurniannya, Oleh Abd Al-Qadir Al-Mandili"	International Conference of Human Sciences 2015 (ICHUPSI 2015)	April 2015	Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak
7	Ramlah Adam	Peranan Institusi Raja Raja Malaysia	Majlis Hari Perjumpaan Warisan Sri Patani	Mei 2015	Hotel Park View, Pattani Thailand

Bil.	Nama Penulis	Tajuk Kertas Kerja	Nama Persidangan	Tarikh	Tempat
8	1. Adi Anuar Azmin 2. Shuhairimi Abdullah 3. Mohd Kasturi Nor Abd Aziz 4. Jamsari Jamaluddin 5. Edzham Armin Abd Rahim 6. Abdul Jalil Ramli 7. Azizi Abu Bakar 8. Abdullah Abdul Ghani	Unethical Practice in Malaysian Corporate Governance: The Role of Youth And Their Future.	The 6th International Conference on Governance, Fraud, Ethics and Social Responsibility 2015	Julai 2015	Faculty of Accountancy Universiti Teknologi MARA Kedah
9	1. Adi Anuar Azmin 2. Shuhairimi Abdullah 3. Mohd Kasturi Nor Abd Aziz 4. Jamsari Jamaluddin 5. Edzham Armin Abd Rahim 6. Abdul Jalil Ramli 7. Azizi Abu Bakar 8. Abdullah Abdul Ghani	The Relationship of Islamic Business Ethics as a Moderator to External Environmental Factors and Housing Project Performance.	The 6th International Conference on Governance, Fraud, Ethics and Social Responsibility 2015	Julai 2015	Faculty of Accountancy Universiti Teknologi MARA Kedah
10	1. Syed Zulkarnain Syed Idrus (IKOM) 2. Azremi Abdullah Al Hadi (PPKKP) 3. Phak Len Al Eh Kan (PPKKP) 4. Suhizaz Sudin (PPKKP) 5. Mohd Izwan Izhar Haris (IKOM) 6. Suhana Abdul Mutalib (IKOM) 7. Kamarudin Hussin (FTK)	Keystroke Dynamics for Construction Industry: A Review on Biometric Systems	Engineering Technology International Conference (ET) 2015	Ogos 2015	Surabaya, Indonesia
